

SULIT  
1103/1  
Peperiksaan Percubaan SPM  
Tingkatan 5  
BAHASA MELAYU  
Kertas 1  
Ogos/ 2017

2 1/4 jam

Dua jam lima belas minit



SMK DESA CEMERLANG

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA  
DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B**
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau jawi

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

1103/1

(Lihat sebelah)

SULIT

## **Bahagian A**

[ 30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

*Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada ciri bandar pintar di Malaysia.*

*Huraikan pendapat anda tentang ciri- ciri bandar pintar. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

### **Ciri-ciri Bandar Pintar**



**Taman Rekreasi Terancang**



**Kemudahan Awam Moden**



**Kecanggihan Sistem Teknologi**

**Maklumat dan Komunikasi**

## **BAHAGIAN B**

[100 markah]  
[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Golongan remaja amat wajar memberikan sumbangan dalam usaha untuk mengisi kemerdekaan negara yang telah diperjuangkan oleh generasi terdahulu.

Bincangkan sumbangan yang dapat anda berikan demi keamanan dan kemajuan negara kita.

2. Dewasa ini, permainan tradisional seperti layang-layang, gasing dan congkak kurang diminati serta semakin dilupakan oleh generasi muda.

Bincangkan peranan ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak bermain permainan tradisional.

3. Usaha kerajaan menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara kita memang wajar kerana pelaburan asing memberikan pelbagai faedah kepada rakyat dan negara. Bincangkan.

4. Pendidikan maya atau pendidikan yang memaksimumkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) mempunyai pelbagai kepentingan dalam melahirkan masyarakat yang berilmu, berwibawa dan bertaraf dunia. Bincangkan.

5. *Apabila terpelihara lidah,  
Nescaya dapat daripadanya faedah.*

Petikan gurindam di atas membawa maksud kepentingan seseorang menjaga tutur kata dalam kehidupan.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan-kepentingan seseorang menjaga tutur kata agar berjaya dalam kehidupan.

### **KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

SOALAN TAMAT.SEMOGA BERJAYA MENCAPAI KECEMERLANGAN.

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

-----  
(Mohd Nabavi Bin Abd Rahman)

-----  
(Sharifah Fatimatulzaharah Bt  
Syed Hussein)

Guru mata pelajaran Bahasa Melayu  
Smk Desa Cemerlang.

Guru Kanan Bidang Bahasa  
Smk Desa Cemerlang.

Disahkan oleh,

-----

SULIT  
Peperiksaan Percubaan SPM  
Tingkatan 5  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2  
Ogos/ 2017  
2 1/2 Jam

1103/2



Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA  
DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan bagi **Soalan 2** (b), **Soalan 2** (c), **Soalan 2** (d) dan **Soalan 4** berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

SULIT

## Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

**Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang sumbangan industri pelancongan kepada negara dan peranan masyarakat dalam merancang industri ini. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Industri pelancongan telah memberikan sumbangan yang ketara kepada ekonomi negara sejak pengenalan Program Transformasi Negara pada tahun 2010. Sektor pelancongan negara menjadi penyumbang keenam terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 2014. Pada tahun tersebut, industri pelancongan kita masih mampu menarik seramai 27.44 juta pelancong dengan pendapatan berjumlah RM72 bilion.

Sejak pengenalan Program Tranformasi Negara tersebut, industri pelancongan telah dapat memainkan peranan dalam membuka peluang baharu bagi memperkenalkan Malaysia ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, sewajarnya kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia atas kempen promosi yang agresif di luar negara. Hasil daripada kempen promosi tersebut, negara tidak lagi dikenali sebagai 'negara antara Singapura dan Thailand'. Malahan, industri ini telah berjaya menampilkan keunikan, keharmonian dan kepelbagaian budaya di negara kita. Selain itu, Sambutan Hari Pelancongan Sedunia 2015 pada 27 September dengan tema '1 Bilion Pelancong, 1 Bilion Peluang' telah berupaya memberikan semangat kepada hala tuju Malaysia ke arah pencapaian Wawasan 2020. Sektor pelancongan secara langsung memanfaatkan rakyat Malaysia pada tahun lepas dengan industri itu mampu menarik pelaburan sebanyak RM19.4 bilion dan mampu mewujudkan sejumlah 1.77 juta peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Dalam *merealisasikan potensi* yang dimiliki Malaysia daripada keindahan pulau-pulau di Borneo sehingga ke hutan tropika dan syurga beli belah, kerajaan akan menjadikan industri pelancongan sebagai sumber pendapatan baharu dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa. Pengumuman langkah-langkah proaktif ekonomi baru-baru ini telah menyaksikan peruntukan tambahan RM80 juta untuk memperhebat aktiviti promosi pelancongan dalam pasaran terpilih termasuk di negara-negara ASEAN, China dan India. Langkah ini melibatkan program yang dapat membangunkan produk ikonik termasuklah memberi nafas baharu kepada Muzium Negara, Tugu Negara dan Taman Tasik Perdana yang seterusnya, menjadikan tempat tersebut sebagai suatu destinasi yang lebih menarik dan mudah dikunjungi oleh pelawat.

Visi Program Transformasi Nasional adalah untuk mewujudkan sebuah sistem yang mapan bagi membangunkan negara demi kepentingan rakyat Malaysia. Program tersebut telah membolehkan aspirasi kerajaan untuk tahun 2020 dicapai menerusi kaedah rasionalistik dan terdapat keperluan untuk mempelbagaikan ekonomi negara. Oleh itu, industri pelancongan memainkan peranan penting bagi memperkukuh kepelbagaian

ekonomi Malaysia yang telah memanfaatkan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

[Dipetik dan diubah suai daripada  
'Sektor pelancongan beri sumbangan ketara kepada ekonomi negara'  
*Berita Harian*, Oktober 2015]

## Soalan 2 : Pemahaman

### Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Apakah maksud rangkaian *merealisasikan potensi* ?

[2markah]

(ii) Pengarang menyatakan bahawa beberapa usaha kerajaan untuk memajukan industri pelancongan.

Nyatakan usaha-usaha tersebut.

[3 markah]

(iii) Masih terdapat kekangan-kekangan yang dihadapi oleh kerajaan dalam memajukan industri pelancongan di Malaysia.

Pada pendapat anda, mengapakah keadaan ini berlaku?

Berikan **tiga** sebab.

[4 markah]

## Soalan 2 (b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

CIKGU DAHARI: Waalaikumussalam dan selamat sejahtera. Semua boleh duduk. Semua dan baca berita tentang murid yang terpilih dan penempatan untuk PLKN.

NORA: Sudah cikgu. Ramai yang terpilih dan kami amat teruja untuk menyertainya. Tak sabar rasanya.

CIKGU DAHARI: Baguslah kalau begitu. Bertuah negara kita punyai remaja seperti kalian.  
Sentiasa sedia berkhidmat untuk negara.

SUNDARANI: Boleh cikgu terangkan lebih lanjut tentang PLKN?

CIKGU DAHARI: Tentu sekali. Program Latihan Khidmat Negara ataupun nama ringkasnya PLKN merupakan kursus latihan wajib bagi mereka yang baru menamatkan persekolahan di Malaysia. Program ini bertujuan untuk pembinaan sahsiah diri. Bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini bukanlah bersifat kerahan tenaga dan tidak mengikut mana-mana model dari luar kerana dilaksanakan menurut cara Malaysia.

AH TIAU: Apakah objektifnya, cikgu?

CIKGU DAHARI: Tiga objektif yang digariskan, iaitu yang pertama, menanam semangat patriotik dalam kalangan generasi muda atau remaja Malaysia. Kedua, memupuk semangat perpaduan kaum serta integrasi nasional, dan yang ketiga, membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni.

Dipetik daripada drama ‘Berkhidmat Untuk Negara’  
oleh Affiz Zulkarnean Adam  
dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan drama di atas, nyatakan sasaran yang diharapkan akan diperoleh remaja yang menyertai PLKN.  
[2 markah]
- (ii) Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan latihan bagi mereka yang baru menamatkan persekolahan di Malaysia.  
Pada pandangan anda, apakah langkah-langkah memastikan remaja terus berminat menyertai PLKN?  
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai kemanusiaan dalam petikan drama dan **satu** nilai kemanusiaan yang lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan.  
(4 markah]



### Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka titah Seri Betara, “Hai Patih Gajah Mada, segeralah suruh hantar ke Melaka.” Maka Patih Gajah Mada pun berlengkap sebuah perahu dengan sepuluh orang sertanya yang pergi. Setelah sudah lengkap maka Kertala Sari pun belayarlah.

Berapa lamanya maka Kertala Sari pun sampailah ke Melaka. Maka ia pun *singgah di luar kota* pada kampung segala Jawa. Maka Kertala Sari pun menyamakan dirinya kepada segala Jawa yang banyak itu. Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya-kaya dan saudagar.

Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya. Tatkala itu Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Kerma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka ia pun fikir dalam hatinya, “Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan.”

(Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan”  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Tingkatan 4  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *singgah di luar kota*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan Kertala Sari setelah sampai ke Melaka? [3 markah]
- (iii) Laksamana ialah orang yang membunuh bapa Kertala Sari.

Jika anda Kertala Sari, bagaimanakah anda mahu mengalahkan Laksamana?

[3 markah]

**Soalan 2(d) – Seloka**

*Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU

- 1 Baginda menitahkan orang besar empat,  
Membuat istana puri berkota;  
Lalu dipanggil Pawang Raja.  
Pawang mengerah orang bekerja,  
Empat puluh empat tukang dan utas,  
Siang malam tidak berhenti.
- 2 Tujuh bulan tujuh purnama,  
Istana siap dengan alatnya;  
Besar tersergam sembilan ruang,  
Sepuluh dengan rembat guntung,  
Sebelas dengan pancung serong,  
Dua belas dengan anjung tinggi.
- 3 Tiga sudut menteri delapan,  
Tiang panjang maharaja lela,  
Tiang tengah syukur menanti;  
Galang-galangnya ular berang,  
Kasau kecil puteri menyembah,  
Kasau lentik helang berbega.
- 4 Berbunga sawa mengelempai,  
Bertakuk bersedelinggam,  
Berjenang berbatu kawi,  
Berselimpat ukir Jawa,  
Lilit-melilit akar Cina;  
Garam sebuku sisa jeragan,  
Bunga kenanga dimakan ular,  
Layang-layang di pintu Raja.
- 5 Istana siap tukang pun mati,  
Tiada orang dapat meniru:  
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

*Kalung Bunga Za'ba, 2008*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkap pertama seloka di atas? (2 markah)
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah sesebuah istana dibina dalam keadaan yang mewah dan indah? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam seloka tersebut. (4 markah)

**Soalan 3: Pengetahuan danKemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) faham
- (ii) memahami
- (iii) pemahaman
- (iv) keras
- (v) pengeras
- (vi) mengeraskan

[6 markah]

(b) *Tukarkan ayat cakap ajuk di bawah kepada ayat cakap pindah*

- (i) “Semalam saya bermimpi bahawa saya menjadi seorang puteri raja,” kata Fatimah kepada rakannya.
- (ii) “Tolong, tolong! Anak saya terkunci di dalam kereta. Anak saya masih kecil dan tidak tahu membuka sendiri pintu kereta. Cepat, cepat tolongnya,” jerit Latifah.
- (iii) “Cis! Aku pantang orang menuduh aku mencuri. Jangan sampai aku tahu siapa yang buat semua fitnah ini, habis aku kerjakan,” kata Pak Man kepada orang kampung.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kami bersepakat untuk mengisi perut yang kosong di restoran nasi kandar kapitan yang sangat popular itu sebelum memulai lawatan ke Pulau Pinang.
- (ii) Rakyat Malaysia ternyata kurang senam dan beriadah, sayogia hanya 25 peratus sahaja yang terbabit dalam aktiviti tersebut.
- (iii) Pihak kerajaan sedang bergiat memperlebar lebuh raya di Johor kepada tiga lorong untuk mengurangkan kesesakan lalulintas.

[6 markah]

(d) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kebanyakan pemilik akuan rangkaian sosial menggunakan aplikasi tersebut untuk berkongsi maklumat dan mempromosikan barangan serta perkhidmatan di atas talian.
- (ii) Faktor kewujudan kepelbagaian kaum-kaum di negara kita ialah kemasukan imigrasi asing dari China dan India semasa zaman pemerintahan British.
- (iii) Seni khat merupakan satu dari cabang kareografi yang berasaskan pertukangan dan semakin mendapat tempat dalam industri kraf tangan.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti. Kemudian lengkapkan ayat-ayat itu dengan **peribahasa** yang sesuai.

- (i) Mangsa-mangsa banjir yang telah kehilangan tempat tinggal itu berasa amat bersyukur dan berterimakasih kepada pihak kerajaan yang mengumumkan pembinaan rumah baharu untuk mereka. Mereka sangat berbesar hati dengan pengumuman tersebut bersesuaian dengan peribahasa \_\_\_\_\_.
- (ii) Ketua kampung sering menasihati penduduk kampung supaya tidak mementingkan diri sendiri dalam kehidupan bermasyarakat di kampung itu. Mereka janganlah menjadi seperti \_\_\_\_\_.

- (iii) Dalam mengejar cita-cita pelbagai kesukaran akan ditempuh, namun ibu sering kali berpesan kepada anak-anaknya supaya sentiasa berusaha dan jangan mudah berputus asa kerana \_\_\_\_\_.

(6markah]

#### Soalan 4 : Novel

[ 15 markah ]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- ( i ) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
  - ( ii ) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
  - ( iii ) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Mat Darin
  - ( iv ) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
  - ( v ) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
  - ( vi ) *Tirani* karya Ben Sabariah
  - ( vii ) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusof
  - ( viii ) *Silir Daksina* karya Nizar Parman
- a. Latar masyarakat ialah gambaran kehidupan masyarakat yang dipaparkan dalam sesebuah karya termasuk novel.

Huraikan **dua** latar masyarakat dalam **sebuah** novel yang anda kaji. [7 markah]

- b. Berpandukan **dua** buah novel yang anda kaji, jelaskan **satu** peristiwa yang menggambarkan nilai kerjasama dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

SOALAN TAMAT.SEMOGA BERJAYA MENCAPAI KECEMERLANGAN.

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

-----  
(Azwin Binti Abdullah)

-----  
(Sharifah Fatimatulzaharah Bt  
Syed Hussein)

Guru mata pelajaran Bahasa Melayu  
Smk Desa Cemerlang.

Guru Kanan Bidang Bahasa  
Smk Desa Cemerlang.

Disahkan oleh,  
-----